

**WACANA DISKURSIF DALAM PENSEJARAHAN ISLAM:  
PENILAIAN KRITIS TERHADAP PEMIKIRAN MOHD.  
ASRI ZAINUL ABIDIN DALAM PERTELINGKAHAN PARA  
SAHABAT NABI – ANTARA KETULENAN FAKTA DENGAN  
PEMBOHONGAN SEJARAH**  
**DISCURSIVE DISCOURSE IN ISLAMIC HISTORIOGRAPHY:  
A CRITICAL EVALUATION OF THE THOUGHTS OF  
MOHD. ASRI ZAINUL ABIDIN IN THE CONFLICT OF  
THE COMPANIONS OF THE PROPHET - BETWEEN THE  
AUTHENTICITY OF FACTS AND THE LIES OF HISTORY**

NORDI ACHIE

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Jalan UMS,  
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Corresponding author: [nordi@ums.edu.my](mailto:nordi@ums.edu.my)

Tarikh dihantar: 10 Februari 2023 | Tarikh diterima: 10 Mac 2023 | Tarikh terbit: 31 Disember 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.4782>

**ABSTRAK** Artikel ini bertujuan untuk memberikan penilaian semula (secara terpilih) terhadap pemikiran Mohd. Asri Zainul Abidin dalam bukunya, *Pertelingkahan Para Sahabat Nabi: Antara Ketulenan Fakta Dengan Pembobongan Sejarah*. Beliau merupakan sarjana dalam pengajian hadis, tersohor dengan sikap tegas dan lantang dalam mengemukakan pandangannya, bersabit pelbagai isu agama dan ummah. Bukunya mengandungi tujuh bab, 168 halaman termasuk bibliografi dan indeks, diterbitkan Pustaka Yamien (Kuala Lumpur), 2002. Setelah meneliti matan pemikirannya, dalam beberapa aspek kita sependapat dengan Mohd. Asri, namun terdapat juga aspek tertentu yang harus diberikan penilaian semula. Penilaian ini bersifat tekstual dan kontekstual, digarap secara sederhana, untuk menyuburkan wacana ilmiah di luar kerangka, sentimen dan propaganda kemazhaban. Dari segi penggaluran, kita mengolahnya mengikut susunan asal bab-bab dalam bukunya, dengan harapan pendekatan ini dapat mempermudah kita (pembaca budiman) mengikuti, memahami dan menggeluti perkembangan kritikan ilmiah kesejarahan. Mengenai ejaan dalam petikan teks, kita mengekalkan ejaan asal Mohd. Asri. Misalnya, perkataan “Uthman”. Dalam penulisan kita sendiri, kita menggunakan ejaan “Usman”. Secara umumnya, kita tidak menggunakan – kecuali dalam bilangan sangat terhad – gaya kebahasaaraban, seperti tanda koma di atas (‘) dalam perkataan tertentu. Antaranya, perkataan “Syi’ah”, “Mua’wiyah” dan sebagainya. Tanda ini sangat jarang digunakan dalam bahasa Melayu. Aspek penting yang diberikan penilaian semula ditandai

dengan perkataan tertentu, seperti “Pertama”, “Kedua” dan seterusnya atau dalam bentuk penomboran, seperti (1) dan (2) atau (i) dan (ii) atau (a) dan (b), di samping menggunakan subtajuk, seperti ditulis dalam buku Mohd. Asri. Dari segi struktur, kita membahagikan perbincangan ini berdasarkan kepada beberapa bahagian dan tajuk tertentu. Tujuannya agar pembaca budiman dapat memberikan perhatian serius terhadap persoalan yang sedang dibincangkan.

**Kata kunci:** Sejarah, politik, Islam, kritisisme, historiografi.

**ABSTRACT** *This article aims to re-evaluate the thinking of Mohd. Asri Zainul Abidin in his book, *The Conflict of the Companions of the Prophet: Between the Authenticity of Facts and the Lies of History*. He is a scholar in the study of hadith, famous for his firm and outspoken attitude in presenting his views, on various religious and ummah issues. His book contains seven chapters, and 168 pages including a bibliography and index, published by Pustaka Yamien (Kuala Lumpur), in 2002. After examining his thoughts, in some aspects, we agree with Mohd. Asri, but certain aspects should be re-evaluated. This evaluation is textual and contextual, working simply, to nourish scientific discourse outside the framework, sentiments, and sectarian propaganda. In terms of classification, I process it according to the original order of the chapters in the book, in the hope that this approach can make it easier for us (gentle readers) to follow, understand and engage in the development of scientific criticism of history. Regarding the spelling in the text, I maintain the original spelling of Mohd. Asri's book. For example, the word “Uthman”. In my writing, I use the spelling “Usman”. In general, I do not use - except in a very limited number - Arabic style, such as the comma above (') in certain words. Among them, are the word “Shi'ah”, “Mua'wiyah” and so on. This sign is very rarely used in Malay. Important aspects that are given re-evaluation are marked with certain words, such as “First”, “Second” and so on, or in the form of numbering, such as (1) and (2) or (i) and (ii), or (a), and (b), or using the subtitle, as written in Mohd. Asri's book. The purpose is so that all the gentle readers can pay serious attention to the question being discussed. In terms of structure, I divide this discussion based on several sections and specific topics, as discussed further.*

**Keywords:** *History, politics, Islam, criticism, historiography.*

## PENGENALAN

Sejarah Islam sangat menarik untuk ditafakuri secara kritis dan konstruktif. Sejarahnya ialah sejarah pena dan pedang – sejarah tinta dan darah. Sejarah Islam merupakan sejarah hikmah dan falsafah kehidupan – sejarah yang subur dalam wacana diskursif sekali gus menggugah minat para sarjana dari dalam mahupun luar mandala peradaban Islam. Antara isu kesejarahan yang sentiasa panas dan terus menjentik perhatian mereka: merangkumi persoalan kontroversi dan kontraversi politik, khasnya pascakewafatan Nabi Muhammad (SAW). Ini membabitkan pertumpahan darah sesama sahabat utama Rasulullah (SAW) dan umat Islam generasi *salafus-saleh* (para mukmin yang sangat layak diteladani). Turut teruja untuk mengupas isu kesejarahan ini ialah Mohd. Asri Zainul Abidin. Bagaimanapun, kebenaran bukanlah hak mutlak dan monopoli eksklusif mana-mana sarjana sama ada Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ), Syiah dan sebagainya. Sejurnya, buku ini lebih banyak menimbulkan persoalan, berbanding memberikan penjelasan setuntasnya. Dalam konteks ini, pandangan Asri menarik untuk dinilai semula demi menyemarakkan wacana ilmiah dalam rangka menerokai dan mengarap kebenaran sejarah, secara sederhana (menyentuh dua tema terpilih). Ini merupakan siri pertama. Siri kedua (mencakupi pelbagai tema tambahan) akan diterbitkan secara berasingan.

### I - SEJARAWAN SYIAH DAN SENTIMEN ANTI-SYIAH

Mengenai sejarawan Syiah, al-Yaqubi dan al-Masudi, Mohd. Asri (2002: 37-38) menganggap karya sejarah mereka “tidak perlu diberikan perhatian kerana sikap permusuhan mereka terhadap para sahabat yang sedia tertanam dalam jiwa dan pemikiran mereka”. Dakwaan ini memperlihatkan pemikiran Mohd. Asri bersalut emosi. Kajian ilmiah harus berasaskan pemikiran rasional dan bukti sahih (Yusof al-Qardhawi, 2003 dan Imam ath-Thabari 2011). Soal kebencian al-Yakubi dan al-Masudi terhadap sebahagian sahabat Rasulullah (SAW), perlu dikritik secara ilmiah. Kita menilai berdasarkan aspek zahir (kewibawaan sumber dan riwayat sejarah), bukan sebaliknya (*Shahih Bukhari*, 1985: 29).

Mengenai riwayat sejarah dalam karya mereka, kita tolak riwayat batil dan kita terima riwayat sahih, secara jujur dan tulus, demi kebenaran sejarah. Kita tidak percaya riwayat sejarah nukilan al-Yaqubi dan al-Masudi kesemuanya batil (dusta dan palsu). Meskipun (jika benar) mereka membenci sahabat, Mohd. Asri – sebagai sarjana kehadisan – tidaklah seharusnya berprasangka dan berprejudis terhadap al-Yaqubi dan al-Masudi lantas mengabaikan, kalaupun bukan secara mentah-mentah, karya sejarah kedua-dua sejarawan ini. Mohd. Asri harus mendekati karya sejarah mereka dengan hati yang sejuk dingin dan menilai semula riwayat-riwayat sejarahnya secara ilmiah (bernas dan adil), dengan kaedah dan tatacara kritisisme, demi mencari kebenaran sejarah (Ibrahim Ali Sya'wat, 2005).

Seterusnya, mengenai keperibadian Abu Minkhof, al-Kalbi, al-Waqidi dan Saif, dipandang dari sudut ilmu *al-jarhu wa at-ta'dil* – persoalannya: benarkah Mohd. Asri bersikap adil dan munasabah terhadap mereka? Mengenai keperibadian Abu Minkhof, al-Kalbi dan al-Waqidi, Mohd. Asri hanya menurunkan kritikan negatif ke atas mereka, tetapi tidak ada aspek positif yang dikemukakannya kecuali sangat terhad. Ini mengakibatkan pembaca budiman mudah berpandangan serong secara melulu terhadap Abu Minkhof, al-Kalbi dan al-Waqidi. Apakah benar tidak ada ulama dan sarjana yang pernah memberikan kredit ilmiah kepada mereka? Persoalan ini tidaklah semudah sangkaan Mohd. Asri. Sebaliknya, perawi yang sangat terpercaya masih mungkin melakukan silap dan salah. Tidak ada manusia yang kudus (Syaikh Manna' al-Qaththan, 2006 dan Muhammad Ali ash-Shabuni, 1992).

Terkhas mengenai Saif, Mohd. Asri jelas bersikap lunak kepadanya. Mengapa? Jawabannya mudah kerana Mohd. Asri banyak memetik riwayat Saif dalam *Tarikh at-Tabari*. Bagaimanapun, tidak ada jaminan Saif tidak melakukan kesalahan dan kesilapan, bahkan tidaklah mustahil Saif turut dipengaruhi oleh kepentingan serta sentimen kemazhaban (Imam ath-Thabari, 2011). Kita percaya Mohd. Asri sedar mengenainya, tetapi Mohd. Asri tidak memandang serius terhadapnya kerana sarjana ini telah reda terhadap periwayatan Saif (biarpun bukanlah kesemuanya).

Mohd. Asri memetik pendapat Ibnu Hajar al-Asqalani (Asri, 2002: 51) mengenai Saif: “Beliau seorang yang lemah dalam (bidang) hadith, tetapi boleh dipercayai dalam (bidang) sejarah”. Anehnya, Ibnu Hajar dan Mohd. Asri tidak pula menjelaskan atas rasional apakah riwayat Saif “boleh dipercayai dalam (bidang) sejarah”? Para sejarawan pasti terpinga-pinga dengan pandangan yang dipetik di atas. Seperti dijangkakan, Mohd. Asri tidak menukilkan kritikan negatif (melainkan sangat terhad) mengenai Saif – mengapa? Beliau sekadar menyatakan secara umum, “Ada di kalangan ulama yang menuduh Sayf [Saif] sebagai zindiq dan dusta”. Pertuduhan ini sangat berat, namun Mohd. Asri menegaskan, dengan memetik pembelaan Amin al-Qudah (Asri, 2002: 51) terhadap Saif – pertuduhan ini “tidak berasas”. Menurut Amin lagi, “Tohmahan itu hanya dibuat oleh [antaranya] Ibn Hibban dan al-Hakim”. Jelas, Mohd. Asri memandang ringan komentar negatif daripada kedua-dua muhadis muktabar ini (Ibnu Hibban dan al-Hakim) terhadap Saif – mengapa? Secara rasionalnya, mesti ada sebab mengapa mereka menilai Saif sebagai “zindik dan dusta”. Komentar Ibnu Hibban dan al-Hakim wajar diperhalusi dan dipertimbangkan secara adil (an-Nawawi, 2001). Benarkah Ibnu Hibban dan al-Hakim bertindak melancarkan tohmahan terhadap Saif, padahal tohmahan merupakan dosa besar? Mohd. Asri hanya menelan bulat-bulat pembelaan Amin terhadap Saif. Kelemahan sehalus ini mustahil disedari masyarakat awam.

Yang jelas, bagi golongan yang menolak Abu Minkhof, al-Kalbi dan al-Waqidi, mereka akan mencari pelbagai jalan, dengan menghunuskan kata-kata buruk mahupun paling buruk, untuk menjatuhkan keperibadian dan riwayat sejarah mereka. Sebaliknya, bagi penerima riwayat Saif (seperti Mohd. Asri dan Amin), mereka akan menyusun kalam-kalam lunak atau menyederhanakan kelemahan perawi – sama persis dengan pendekatan analisis tipologi, seperti disentuh Nordi Achie (2018) – demi mempertahankan Saif, khasnya dalam periyawatan sejarah. Tanpa disedarinya, Mohd. Asri turut terpalit dengan sentimen nakal ini. Bagi Mohd Asri, kedudukan Saif “agak selesa” selagi riwayatnya tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah, serta tidak bercanggah dengan riwayat yang lebih dipercayai (Asri, 2002: 52-53). Bagaimana jika kita mengatakan seseorang yang lemah dalam periyawatan hadis (seperti Saif), justeru periyawatan sejarahnya juga dihukumkan lemah? Tertolak.

Keistimewaan Saif ialah riwayat sejarahnya tidak mengandungi tohmahan terhadap sahabat. Demikian menurut Muhammad Amzun, seperti diceroknya (Asri, 2002: 52). Perhatikan tiga aspek berikutnya. Pertama, pandangan Amzun – riwayat sejarah Saif tidak mengandungi tohmahan terhadap sahabat – lebih menyerupai alasan moral, bukannya penghujahan (justifikasi) ilmiah. Kedua, Saif menahan diri daripada memberikan penilaian kritis terhadap sahabat kerana dia tidak mempunyai kekuatan intelektual untuk berdepan dengan kritikan balas terhadapnya (*perhatian*: ini tidaklah bermakna tohmahan terangkum dalam pengadilan moral, tetapi sesetengah pengadilan moral, jika keterlaluan esensi dan nadanya, tidaklah mustahil berbentuk tohmahan). Ketiga, perawi yang tidak membuat tohmahan terhadap sahabat (seperti Saif), ini bukanlah jaminan definitif bahawa riwayat Saif selayaknya diterima secara mandatori dalam ilmu sejarah. Ketiga-tiga aspek ini tercicir daripada pengamatan Amzun dan Asri. Perlu ditegaskan, riwayat Saif yang dikatakan bersih daripada tohmahan atau bersih daripada komentar negatifnya terhadap para sahabat, seharusnya dihargai. Betapapun demikian, tindakan Saif menyamarkan kelemahan-kelemahan sahabat dalam periyatannya sehingga merosakkan kebenaran sejarah, ini pun termasuk dalam tohmahan iaitu tohmahan terhadap kebenaran.

Sementara itu, masih ada kemungkinan riwayat Abu Minkhof, al-Kalbi dan al-Waqidi (diselarinya kerana mengandungi tohmahan terhadap sahabat) menggandingkan antara fakta sejarah dengan pengadilan moral. Hal ini sah dalam pensejarahan ilmiah, dengan syarat:

- (i) pengadilan moral dibuat berdasarkan fakta, bukannya fitnah;
- (ii) bukan pula berdasarkan prasangka dan prejudis.

Yang perlu diperhalusi ialah fakta sejarah. Tohmahan amat berbahaya kerana ia muncul daripada sentimen permusuhan. Jika kedua-dua elemen ini berbaur dalam riwayat sejarah tertentu, kita harus memisahsingkan antara fakta dengan tohmahan, tanpa perlu mencampakkan keseluruhan matan riwayat itu. Ini merupakan kritikan dalaman yang dipraktikkan dalam kritisisme sejarah. Justeru, belum tentu riwayat sejarah Saif kesemuanya mengandungi kebenaran, malah belum tentu riwayat sejarah Abu Minkhof, al-Kalbi dan al-Waqidi, kesemuanya dusta. Prinsip kritisisme dalam pensejarahan

jelas: kebenaran tetaplah kebenaran sekalipun kebenaran itu berada di pihak lawan mahupun tersebur dari lidah syaitan (ada kalanya syaitan berbicara tentang kebenaran).

Yang paling berbahaya, sesetengah pihak hanya mensahihkan riwayat sejarah yang selari dengan pendirian dan kepentingan mazhab mereka sahaja lalu menolak mana-mana riwayat sejarah yang bercanggah dengan mazhabnya. Ada pula puak yang sengaja membengkok-bengkokkan tafsiran mengenai riwayat sahih (hadis dan sejarah) untuk melemahkan pihak lawannya. Puncanya, matan (isi kandungan) riwayat tersebut bertentangan dengan mazhab pilihannya. Ini merupakan dalih dayus akibat fanatisme kemazhaban sama ada di pihak ASWJ mahupun Syiah (Nordi Achie, 2022 dan Abdullah al-Mushili, 2009). Kita menentang sikap puak-puak fanatik ini. Lisan dan pena mereka ditusukkan untuk memenangkan mazhab semata-mata, bukannya demi menegakkan kebenaran hakiki. Justeru, fanatisme kemazhaban harus diberakhirkan.

Dalam mewacanai isu kritikal ini – fitnah antara sahabat – para ulama (ASWJ dan Syiah Imamiah) sering kali terlalu emosional dan terlampau antagonistik, walhal tidak ada salahnya mereka berfikiran rasional. Kata-kata kecaman yang keras, kesat dan kasar menenggelami kebenaran. Karya-karya mereka dirosakkan nafsu amarah dan sentimen permusuhan. Para sahabat Rasulullah (SAW) dihina dan dicaci. Apakah kesudahannya? Keberangan tidak dapat didinginkan dengan keberangan dan kebenaran tidaklah terpancar dari lubuk kebencian. Persoalan ini harus dikupas dengan tenang dan teliti. Izinkan kita memetik satu contoh dalam episod sejarah. Berdasarkan riwayat sahih, Abu Bakar menanggung berat kepedihan bersabar kerana Ali, Fatimah dan Bani Hasyim bersikap dingin (menangguhkan baiah terhadap Abu Bakar sebagai khalifah) dalam tempoh enam bulan. Ali pula memendam keperitan bersabar yang lebih mencengkam lantaran dia yakin Bani Hasyim (khasnya *Ahlul Batis Rasulullah*) mempunyai hak dan keutamaan dalam persoalan kekhilafahan, namun ternyata mereka telah diabaikan ketika keputusan dibuat di Balai Bani Saadah (Imam ath-Thabari, 2011: 23-25).

Sungguhpun demikian, Abu Bakar tetap tidak memaksa Ali, Fatimah dan Bani Hasyim untuk membaiahnya, manakala Ali pun tidak pernah

mengangkat suara (apatah lagi senjata) demi menuntut keyakinannya. Mengapa? Kedua-dua tokoh utama sahabat ini lebih mengutamakan kesatuan ummah. Meskipun belum membiah Abu Bakar, namun Ali tetap berjiwa besar: Ali tetap solat berimamkan Abu Bakar dan Ali terus memberikan nasihat bernes kepada Abu Bakar dalam urusan ummah. Jelas, Abu Bakar dan Ali bersikap rasional (tenang dan tabah) dalam menghadapi kemelut ujian-Nya ini. Setelah Fatimah kembali ke pangkuhan Tuhan Maha Esa, barulah Ali dan Bani Hasyim memberikan baiah terhadap Abu Bakar iaitu selepas Abu Bakar bermuzakarah dengan Ali dan Bani Hasyim di rumah Fatimah demi menyelesaikan segala kekusutan yang terhunjam dalam hati masing-masing. Pertikaian ini telah diselesaikan dengan rahmat-Nya. Perlu ditegaskan, inilah tugu teladan yang wajib dicontohi demi kemaslahatan ummah (Imam ath-Thabari, 2011: 23-25).

Benar bahawa para sahabat Rasulullah (SAW) merupakan manusia biasa, tetapi janganlah pula mereka dianggap biasa-biasa sahaja. Mereka lah insan termulia dan terhormat dalam ranah keimanan dan kesalihan. Kelemahan dan kekurangan para sahabat tidaklah selayaknya diperalatkan untuk memperhina dan memperlekeh mereka. Di sinilah terletaknya kebobrokan kaum pelampau dalam Syiah Imamiah. Terlalu membela atau terlampaui mengecam, kedua-duanya tertolak. Sebaik-baiknya, sederhana. Dalam konteks pensejarahan kritis, meskipun para sahabat merupakan insan teladan buat ummah, namun ini tidaklah bermakna mereka terlepas daripada pengadilan moral dalam sejarah. Yang penting, seperti dinyatakan sebelum ini. Pengadilan moral itu diwacanakan dengan berfakta dan beradab, berlunaskan kewarasaran dan kemunasabahan tanpa penghinaan dan perlecehan terhadap para sahabat Rasulullah (SAW). Tersemat di sebaliknya, hikmah buat ummah.

## **II - KONTROVERSI DAN KONTRAVERSİ KEPOLITIKAN: PEMBUNUHAN DAN KESYAHIDAN USMAN**

Menerusi Bab 3, Mohd. Asri telah menyajikan kepada pembaca budiman pelbagai saranan dan peringatan bermanfaat: (i)mengenai punca percanggahan dan kekeliruan dalam riwayat sejarah, khasnya dalam *Tarikh at-Tabari*; (ii)menjelaskan secara padat dan ringkas perihal mancakaedah praktikal untuk mengatasi permasalahan ini. Hanya sahaja, sudut pandang Mohd.

Asri masih dibelenggu perspektif dan pemikiran kemazhaban, di samping penonjolan sentimen anti-Syiah dalam perbincangannya (Ahmad Qusyairi Ismail, 2008). Mohd. Asri bukan sahaja tidak bersikap kritis dan konstruktif terhadap pandangan para ulama ASWJ, malah idea asli beliau sendiri pun, gagal diserahkan.

Mengenai Bab 4 sehingga Bab 6 bukunya, kita tidak berhasrat untuk menilai semula keseluruhan pemikiran Mohd. Asri, dengan justifikasi tertentu:

- Pertama, kita menolak dengan tegas sikap permusuhan, kebencian dan kedengkian puak Syiah Rafidhah terhadap sahabat (Imam Shahrastani, 2006).
- Kedua, kita tidak pasti apakah kesemua riwayat sejarah yang digunakan Mohd. Asri sebagai dalil penghujahannya adalah sahih atau sebaliknya.
- Ketiga, kita perlu memperluas dan memperdalam telaah dan kritikan ilmiah terhadap sumber-sumber rujukan penting (karya klasik sejarah) kedua-dua pihak terlebih dahulu iaitu ASWJ dan Syiah Imamiah.

Tanpa aspek terakhir ini, seseorang sarjana tidak mungkin dapat mencungkil fakta dan menoreh kebenaran sejarah secara jujur, berani dan adil. Justeru, sekadar menguasai sumber rujukan penting ASWJ sahaja atau Syiah Imamiah semata-mata (Mahayudin Yahya, 1986 dan Lutpi Ibrahim, 1993), usaha ini masih tidak memadai, bahkan akan menjadikan kita bais (dalam peristilahan ilmiah atau zalim dalam peristilahan samawi) terhadap agama dan umat kita sendiri (*Shahih Bukahri*, 1985: 193).

Berbalik kepada beberapa kritikan terpilih terhadap pemikiran Mohd. Asri, izinkan kita menilainya secara kritis dan konstruktif, untuk mempercambah idea dan menyuburkan wacana keintelektualan; dengan harapan kritikan ini dapat membuka ruang penilaian secara berkesinambungan dan menguak paradigma ilmiah dalam perbincangan sihat dan harmoni, seperti disenggol berikutnya.

### ***Peristiwa Saqifah (Asri, 2002: 56-60)***

Daripada Anas Malik (ra) katanya, Rasulullah (SAW) bersabda:

Kamu akan melihat sesudahku orang yang sangat mementingkan dirinya sendiri. Lantaran itu, hendaklah kamu bersabar sehingga kamu menemui Tuhan dan Rasul-Nya di telaga pada hari kiamat!  
(*Shahih Bukhari*, 1985: 159)

Mengenai pertelingkahan di Balai Bani Saadah, Mohd. Asri memetik dan mengulas pertentangan antara Ansar dan Muhajirin bersabit persoalan kepemimpinan tertinggi ummah (pengganti Nabi) selepas kewafatan baginda. Dalam penilaian Mohd. Asri, beberapa riwayat sejarah dalam *Tarikh at-Tabari* dinilainya sangat keterlaluan kerana bertentangan dengan keperibadian sahabat, seperti terpateri dalam al-Quran dan *Sahih Bukhari*. Kita bersetuju dengan Mohd. Asri. Malah, sesetengah butirannya kelihatan sengaja dipersengitkan oleh perawi tertentu, tanpa disaring dengan ketat oleh at-Tabari sendiri (ath-Thabari, 2011 dan Taha Husain, 2015).

Menurut Mohd. Asri lagi, sebahagian riwayat sejarah (bersifat keterlaluan) dalam *Tarikh at-Tabari* berbeza dengan riwayat sejarah (lebih murni sifatnya) dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, karya Ibnu Kathir (Asri, 2002: 59). Namun, dalam aspek tertentu, Mohd. Asri membiarkan pernyataan ini berbentuk tergantung. Mengapa? Mohd. Asri tidak menurunkan petikan riwayat sejarah daripada *Tarikh at-Tabari* dan *al-Bidayah wa al-Nihayah* untuk tujuan perbandingan (Ibnu Katsir, 2004 dan Imam as-Suyuthi, 2005). Apakah Mohd. Asri terlupa atau beliau mempunyai motif tersembunyi di sebalik tindakannya ini? Pengabaian ini benar-benar menimbulkan kebingungan.

Mengenai tindakan sebahagian sahabat Ansar yang berkumpul di Balai Bani Saadah, Mohd. Asri memetik pendapat Abu al-Ma'ali al-Juwaini, dengan menyifatkannya sebagai “tuntutan syarak”. Setakat manakah pendapat ini benar? Tindakan sebahagian sahabat Ansar berkumpul di Balai Bani Saadah masih diselubungi pelbagai persoalan kesejarahan. Jika dibandingkan, komentar Hamka lebih munasabah mengenainya (Hamka, 2006). Antaranya:

- Pertama, mengapakah mereka pergi ke Balai Bani Saadah tanpa berbincang terlebih dahulu dengan sahabat Muhajirin, lebih-lebih lagi dengan keluarga terdekat Rasulullah (SAW) sendiri?
- Kedua, mengapakah mereka tidak sanggup bersabar sehingga selesai kewajiban mengebumikan jenazah Nabi-Nya?

Justeru, apakah tindakan para sahabat Ansar tadi benar-benar berdasarkan “tuntutan syarak” atau turut dipengaruhi urusan kepolitikan tersendiri (Wahbah az-Zuhaili, 1997)? Jika benar demikian (semata-mata memenuhi “tuntutan syarak”, seperti dakwaan al-Juwaini), mengapakah (i) sahabat Ansar meninggalkan sahabat Muajirin, apakah lagi tindakan ini membabitkan persoalan pengangkatan pemimpin tertinggi ummah; malah, (ii) dalam keadaan yang amat tergesa-gesa pula, sahabat Ansar nekad mengangkat pengganti Rasulullah (SAW) dalam kalangan kaum Ansar sendiri? Wajarkah syura sepihak ini (sesama sahabat Ansar sahaja) dikatakan sebagai menenuhi “tuntutan syarak”? Persoalan sepenting ini tercicir daripada pengamatan Mohd. Asri.

Kita dapat menerima tindakan Abu Bakar, Umar dan Abu Ubaidah pergi ke Balai Bani Saadah berdasarkan “tuntutan syarak” demi meredakan kekecohan yang berlaku di sana, sebelum nasi menjadi bubur. Tindakan mereka mempunyai atas kebenarannya, sekalipun dipertikaikan oleh sebilangan ulama muktabar Syiah Imamiah. Kemudian, mereka berjaya menyelesaikan pertelingkahan mengenai jawatan khalifah. Ini merupakan pertikaian dalaman kritikal umat Islam yang pertama dapat diselesaikan secara harmoni (Hamka, 2006 dan Mohmoud M. Ayoub, 2004). Bagaimanapun, proses kesejarahan ini tidaklah terhenti di sini sahaja. Selanjutnya, timbul dua lagi persoalan penting:

- Pertama, mengapakah sahabat Ansar dan Muajirin di Balai Bani Saadah tidak menangguhkan terlebih dahulu – hanya untuk tempoh sehari – urusan perlantikan khalifah, sementara menunggu jenazah Nabi-Nya disemadikan, sebagai memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah Rasulullah (SAW)? Bukanakah ketika itu masih terdapat sebahagian sahabat (khasnya *Ahlul al-Baits* Rasulullah) yang tidak berada di Balai Bani Saadah?
- Kedua, jika mereka menangguhkan urusan ini – katakanlah dalam sehari sahaja – demi mendapatkan persepakatan semua sahabat Muajirin dan Ansar, apakah benar akan berlaku fitnah yang lebih besar lagi, termasuklah ancaman Rom dan Parsi?

Secara rasionalnya, dalam konteks pertelingkahan di Balai Bani Saadah, tidak ada sebab-sebab konkret yang memungkinkan berlakunya perpecahan ummah atau pertumpahan darah antara sahabat (melainkan dalam bentuk kekhawatiran munasabah), seandainya urusan pelantikan khalifah dapat ditangguhkan sehari. Sukar digambarkan dan dijelaskan bagaimanakah fitnah seperti ini tercetus dalam masa satu hari, tanpa sebab-musabab yang luar biasa (agresif dan masif). Oleh itu, tidak ada sebab mengapa sahabat Ansar – di samping Abu Bakar, Umar dan Abu Ubaidah yang mewakili sahabat Muhajirin – tidak dapat menunggu, kendatipun sehari. Sehari sahaja! Sejurus selepas itu, terdapat beberapa peristiwa susulan (Ibnu Katsir, 2004 dan ath-Thabari, 2011) yang berlaku (pascapertelingkahan di Balai Bani Saadah), di samping pelbagai pertentangan riwayat mengenainya, namun Mohd. Asri tidak mencerakinkan perkembangan ini. Mengapa? Sekadar memetik tanpa menganalisis, Mohd. Asri gagal menghidupkan wacana kritis dalam pensejarahan.

### ***Riwayat Sejarah Yang Menyalimi Usman (Asri, 2002: 60-66)***

Mengenai pendirian dan kritikan Ali terhadap Usman (Asri, 2002: 60-61), seperti dipetik Mohd. Asri, at-Tabari mengambil riwayat tersebut daripada al-Waqidi. Riwayat ini ditolak Mohd. Asri secara menyeluruh – sentimen mendahului kebenaran. Dalam riwayat al-Waqidi, mungkin sesetengah butirannya benar, namun selebihnya mungkin dusta akibat ditokok-tambah. Dalam mencari dan menegakkan kebenaran sejarah, Mohd. Asri tidak sewajarnya terburu-buru.

- Pertama, kritikan Ali terhadap Marwan Hakam dan peringatan Ali terhadap Usman, agar Usman berwaspada terhadap kelicikan Marwan, mempunyai asas kebenarannya, jika direnung dengan hati yang sejuk dingin. Teguran Ali turut dipersetujui isteri Usman iaitu Nailah al-Farafisah. Bahagian ini dapat diterima secara rasional.
- Kedua, penegasan Ali iaitu beliau tidak akan kembali ke sisi Usman lantaran terkilan dengan sikap Usman yang terlalu mempercayai Marwan (sehingga dikatakan Marwan akan “menghilangkan kemuliaanmu dan merosakkan pemerintahanmu”), kata-kata ini tidaklah secocok dengan perhubungan akrab antara Ali dan Usman. Kita percaya bahagian ini ditokok-tambah perawi atau al-Waqidi.

Justeru, tindakan Mohd. Asri menolak keseluruhan butiran riwayat al-Waqidi jelas disebabkan oleh sentimen prejudis dan prasangkanya terhadap al-Waqidi. Sebagai sarjana, sentimen anti-Syiah ini tidaklah harus diperpanjangkan dalam penyelidikan ilmiah; sikap prejudis dan prasangka akan mengheret sesiapa sahaja ke jurang kezaliman terhadap kebenaran, tanpa disedarinya. Firman Allah (SWT), “Dan janganlah kebencian [prejudis] kamu terhadap sesuatu kaum, lalu mengakibatkan kamu berlaku tidak adil [zalim terhadap mereka dan kebenaran]” (Surah al-Maidah: 8).

Selain bersenjatakan kritikan sanad, kita masih mempunyai satu lagi senjata kritisisme iaitu ketajaman akal dan kejernihan perenungan ilmiah. Kemungkinan adanya tokok-tambah daripada mana-mana perawi yang diragui sifat keadilan dan kejujurannya merupakan lumrah dalam periyawatan sejarah. Setelah menelitiinya, kita mempunyai dua pilihan: (i)menerima sebahagian butiran, atau (ii)menolak keseluruhan riwayat sejarah berkenaan, setelah matannya dinilai secara kritis dan rasional. Pemikiran yang diselubungi sentimen kemazaban tidak akan merembeskan kebenaran murni. Sebaliknya, kebenaran murni akan terbenam dalam kelodak fanatisme kemahzaban (Ibn Khaldun, 2011 dan Collingwood, 1985).

### ***Riwayat Kejahatan Muawiyah (Asri, 2002: 66-72)***

Sebagai insan biasa, setiap sahabat ada kesilapan dan kesalahannya. Yang menjadi persoalan, apakah benar kesilapan dan kesalahan mereka sampai ke tahap begitu jelek dan jahil sekali, lebih-lebih lagi apabila membabitkan sahabat-sahabat yang dijamin kedudukannya sebagai ahli syurga? Antaranya, Muawiyah Abu Suffian. Beliau tergolong dalam kumpulan sahabat Nabi (Asri, 2002: 70-71), “pertama di kalangan umatku yang berperang di laut [justeru] wajiblah bagi mereka itu syurga” (*Shahih Bukhari*, 1987: 124). Mengenai riwayat sejarah dalam *Tarikh at-Tabari*, bersumberkan al-Kalbi (perawi Syiah), Mohd. Asri menurunkan dua petikan:

- Pertama, sepucuk surat dikatakan rekaan Muawiyah sendiri, namun dipalsukan atas nama Qais Saad (Asri, 2002: 67), digunakan Muawiyah untuk mendapatkan sokongan daripada penduduk di Syam. Dinyatakan menerusi surat ini (kononnya) Qais menyokong Muawiyah.

- Kedua, surat daripada Qais yang menempelak politiking Muawiyah (Asri, 2002: 68-69). Isi kandungan surat pertama bersifat sederhana dan syahdu. Berbeza dengan surat kedua, isi kandungannya sangat parah, pedih dan pedas. Jelas, terdapat kontradiksi antara kedua-dua surat ini.

Bagi Mohd. Asri (Asri, 2002: 66), riwayat sebegini merupakan “riwayat karut yang menghina dan mentohmah Mu’awiyah”. Namun, Mohd. Asri tidak pula mengemukakan apa-apa bukti sejarah untuk membuktikan riwayat ini benar-benar karut. Sekadar mengatakan al-Kalbi merupakan pelampau Syiah, masih belum memadai khasnya dalam konteks kritisisme sejarah. Perkara ini bukanlah semata-mata persoalan ilmu hadis, bahkan mencakupi ilmu sejarah. Ada kalanya, makhluk pembohong besar pun sanggup bercakap benar (*Shahih Bukhari*, 1987: 316). Malah, dengan memaparkan hadis sahih mengenai kedudukan Muawiyah sebagai ahli syurga, masih tidak dapat menjawab persoalan asas: apakah bukti riwayat al-Kalbi benar-benar dusta lagi palsu? Terdapat tiga persoalan penting yang tidak digarap Mohd. Asri:

- (i)benarkah surat pertama iaitu surat yang dipalsukan atas nama Qais dibuat Muawiyah sendiri atau dibuat oleh pihak lain? Apakah bukti dan sumbernya?
- (ii)benarkah surat kedua ditulis sendiri oleh Qais atau sebaliknya? Apakah bukti dan sumbernya?
- (iii)apakah reaksi Muawiyah terhadap surat ini, jika memang ada? Apakah bukti dan sumbernya?

Seterusnya, Mohd. Asri tidak menilai semula isi kandungan kedua-dua riwayat ini (butiran mana yang dapat diterima dan butiran mana pula yang mesti ditolak), dan tidak dijelaskan, dari manakah al-Kalbi mendapat riwayat tersebut? Terlebih penting lagi, tidak pula dinyatakan, apakah terdapat perbezaan atau percanggahan antara riwayat al-Kalbi dengan riwayat sejarah lain yang sezaman dengannya, terkhas mengenai surat rekaan ini? Jika al-Kalbi benar-benar berdusta, setakat manakah butiran riwayatnya dusta, sebahagian atau kesemuanya?

Selain itu, apakah Mohd. Asri mempunyai bukti dan cara lain untuk meyakinkan kita bahawa kedua-dua riwayat ini merupakan rekaan al-Kalbi, dengan menggunakan kaedah kritikan sumber dan perbandingan antara riwayat sejarah, seperti dinyatakan tadi? Sejujurnya, kaedah penghujahan dan tatacara pembuktian Mohd. Asri masih lemah dan rancu. Persoalan susulan, jika ahli syurga terhindar daripada fitnah dunia (semisal berita palsu), mengapakah Muawiyah memerangi Ali padahal Muawiyah juga sedar Ali merupakan ahli syurga; apakah Muawiyah benar-benar mempunyai dalil syarak untuk memerangi Ali dan apakah hukumnya memerangi ahli syurga seperti Ali (Taha Husain, 2015 dan Hamka, 2006)?

### ***Peristiwa Tahkim (Asri, 2002: 72-78)***

Mengenai peristiwa Majlis Tahkim – ketika mengulas riwayat Abu Minkhof, Mohd. Asri menegaskan riwayat Abu Minkhof “begitu bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh para ulama hadis berhubung peristiwa Tahkim ini”. Antaranya, riwayat Khalifah Ibnu Khayat (guru Bukhari) dan al-Daraquthni. Bagaimanpun, Mohd. Asri tidak pula memetik sepenuhnya kedua-dua riwayat tersebut sebagai perbandingan. Akibatnya, narasi Mohd. Asri menjadi lompong kerana bidasannya tidak disertakan bukti, tanpa penghujahan analatikal dan sumber analogikal. Tambahan pula, bersabit isi kandungan riwayat Abu Minkhof, tidak ada kritikan intratekstual dan intertekstual dilakukan Mohd. Asri.

Kita percaya masih ada kemungkinan terdapat kebenaran tertentu yang tersemat di sebalik riwayat Abu Minkhof, namun hal-hal yang ditokok-tambah – kelihatan lebih mencolok lagi – seperti selaran Abu Musa terhadap Amr al-As dan serangan balas Amr terhadap Abu Musa, selain tempelakan Ibnu Abbas terhadap Abu Musa, serta doa laknat antara Ali dan Muawiyah, kesemuanya tercatat dalam sumber sejarah. Sementara itu, dalil-dalil mengenai keperibadian Amr al-As, seperti dipetik Mohd. Asri, tidak ada perkaitan dengan persoalan: bagaimana Mohd. Asri dapat mengkritik riwayat Abu Minkhof, dalam konteks peristiwa Tahkim itu sendiri, bukan dengan menggunakan kritikan di luar konteks sejarah. Apakah makna kritikan di luar konteks sejarah? Beliau memetik hadis-hadis tertentu (Asri, 2002: 75-76) sebagai asas bidasannya, padahal hadis tersebut (kecuali dalam peristiwa

kesyahidan Usman) tidak ada kaitan dengan kekalutan Majlis Takhkim. Jelas, kelemahan pemikiran (kaedah kritikan) Mohd. Asri masih berlegar-legar dalam kerangka rancu iaitu menggunakan kritikan di luar konteks sejarah – senjata makan tuan. Perlu dinyatakan, dalam kritikan kesejarahan, tidak salah memetik dalil-dalil *qathi* sebagai asas kritikan, namun hendaklah dalil-dalil tersebut mempunyai perkaitan akrab dengan peristiwa sejarah.

Ada kalanya, hadis yang dipetik Mohd. Asri masih dapat dipersoalkan. Misalnya, Rasulullah (SAW) bersabda, “Manusia yang paling kuat Islam dan imannya ialah Amr ibn al-As”. Bagi Tirmizi, sanad hadis ini lemah. Namun, Mohd. Asri enggan menyebut sanadnya lemah, sebaliknya Mohd. Asri berkias dengan perkataan, “sanadnya tidak kuat” – mengapa? Jika Mohd. Asri menyatakan sanad hadis ini lemah, kejujurannya sebagai penuntas ilmu akan lebih dihormati. Bagi individu yang culas dan cuai, tidak ada bezanya antara sanad hadis ini “lemah” (penyataan primer) dengan sanad hadis ini “tidak kuat” (penyataan sekunder), tetapi bagi penuntas kebenaran, kedua-dua ungkapan tersebut memancarkan kesan penting (biarpun halus) mengenai kejernihan nurani setiap ilmuwan dalam karya mereka sendiri (an-Nawawi, 2001 dan Syaikh Manna’ al-Qaththan, 2006). Hanya jauhari mengenal manikam.

Dalam konteks penulisan ilmiah, nilai kejujuran (Surah an-Nisa: 58 dan Surah al-Maidah: 113) lebih utama daripada berkias-kias, berdolak-dalik dan berlapik-lapik. Ini bukanlah ajaran kafir, namun ajaran Rasulullah (*Shahih Bukhari*, 1985: 159). Sebaliknya, antitesis kepada nilai kejujuran adalah sisa kotoran iaitu percampuran tersembunyi antara kebenaran dan kebatilan. Contohnya, kita enggan menyatakan kebenaran pahit secara jujur mengenai seseorang kerana kita bimbang kemasyhurannya akan terjejas. Berkata benarlah biarpun pahit. Biarpun pahit orang mendengarnya, meskipun pahit kita menanggungnya. Inilah wasiat agama dan amanah ilmiah.

Berbalik kepada kehujahan hadis daif. Hadis daif merupakan nama halus bagi hadis palsu (*maudhu*). Hanya sahaja, hadis daif masih ada nilainya di sisi Islam berbanding hadis palsu. Dalam pandangan sesetengah muhadis muktabar ASWJ, hadis daif – khasnya rangkuman hadis daif yang saling memperkuuh – boleh digunakan dalam aspek tertentu. Persoalannya, apakah hadis daif ini – tetapi, hadis ini dihasankan oleh Muhibb al-Din al-Khatib,

seperti dipetik Mohd. Asri (2002: 76), dapat diterima secara kritis? Jika benar Islam dan iman Amr al-As paling kuat, bagaimana pula dengan keislaman dan keimanan sahabat Muhajirin dan Ansar? Amr al-As tidak tergolong dalam kumpulan ini, meskipun beliau mengakui telah menyembunyikan keislamannya ketika berada di Habsyah (*perhatian*: ketika itu, Amr turut menghasut Raja an-Najasyi agar menzalimi sahabat Rasulullah (SAW) yang sedang memohon perlindungan di sana). Apakah buktinya pengakuan Amr (menyembunyikan Islam) adalah benar?

Dalam konteks ini, sukar untuk kita menerima hadis daif ini sebagai akar penghujahan. Akal yang sihat tetap menolaknya. Aneh sekali, apakah Muhibb al-Din al-Khatib turut diresapi fanatismus kemazhaban apabila mengatakan “Hadis ini hasan” agar hadis ini dapat digunakan sebagai asas pembelaan terhadap Amr al-As atau untuk menutup sisi gelap keperibadiannya? Dapatkah hakikat kebenaran diturap dengan hadis kontroversial? Apakah hadis sahih Bukhari (Asri, 2002: 75) dan Albani (Asri, 2002: 76) masih tidak memadai sebagai pasak penghujahan sehingga Mohd. Asri berasa terdesak lantas memetik hadis-hadis yang tidak disepakati kesahihannya? Meskipun hadis-hadis tersebut digunakan sekadar untuk menyokong paksi penghujahannya, namun tindakan seperti ini akan melemahkan nilai penghujahan Mohd. Asri sendiri. Dalam mencari kebenaran, agama Islam tetap utuh sekalipun ummah tidak berpegang dengan hadis daif. Berpegang dengan hadis daif, dalam hal tertentu, ada asas kebaikannya, namun kesan negatif hadis daif mungkin lebih parah lagi. Yang perlu direnungkan, apakah himpunan hadis sahih masih tidak memadai untuk dijadikan sebagai dasar perpegangan kita?

### ***Syi'ah Memalsukan Sejarah Pembunuhan Sayyidina 'Uthman ibn 'Affan (Asri, 2002: 79-108)***

Seterusnya, reaksi kritis terhadap pemikiran Mohd. Asri menerusi Bab 5 (2002: 79-108), seperti tertera di atas. Sebelum itu, izinkan kita meluruskan kesilapan istilah yang digunakan Mohd. Asri:

- Pertama, “fakta dusta” (Asri, 2002: 79). Dalam disiplin periwayatan sejarah, tidak ada “fakta dusta” maupun “Pembohongan Sejarah” (lihat tajuk bukunya). Yang berbohong ialah perawi riwayat sejarah.

Sejarah tidak berbohong kerana sejarah berumbikan fakta. Apakah fakta? Fakta ialah sesuatu peristiwa yang benar-benar berlaku dan dapat dibuktikan kebenarannya menerusi sumber-sumber sahih. Fakta ialah nyawa sejarah. Fakta ialah mahkota sejarawan. Justeru, tidak ada “fakta dusta”. Yang ada, maklumat atau data dusta. Jika benar adanya “fakta dusta”, tentulah ada pula “kebenaran dusta”. Kedua-dua istilah rancu ini (fakta dusta dan pembohongan sejarah) hanyalah permainan kata-kata kosong sahaja, tidak lebih dan tidak kurang.

- Kedua, “fakta palsu”. Penjelasannya, sama seperti “fakta dusta”.

Di samping itu, izinkan kita meluruskan kesilapan bersabit fakta sejarah yang rencam. Mohd. Asri menegaskan (2002: 81), “Abdullah ibn Saba’ adalah pengasas Syi’ah yang sebenarnya”. Penyataan seumpamanya ini diulangi Mohd. Asri berjela-jela (2002: 86, 92, 103, 104, 109, 124, 125 dan 144). Mohd. Asri tersilap. Fakta sejarah tidak berubah dan tidak dapat diubah. Perlu difahami, dalam sejarah Syiah sememangnya terdapat aliran Syiah Sabaiyah (Muhammad Abdul Sattar at-Tunsawi, 2001 dan Abdullah Mushili, 2009). Pengasasnya, Abdullah Saba. Namun, aliran-aliran Syiah selainnya, mempunyai sejarah tersendiri dan tidak semestinya ada perkaitan sejarah dengan Abdullah Saba. Aspek ini telah dikupas secara mendalam dan menyeluruh oleh al-Shahrastani, dalam karya klasiknya, *al-Milal wa al-Nihal* (Imam Shahrastani, 2006).

Untuk mendapatkan penjelasan lanjut dan berwibawa mengenai aliran-aliran Syiah, dipersilakan Mohd. Asri menghadami karya klasik ini. Sesiapa sahaja yang berbicara mengenai sejarah, fikrah dan wejangan firkah Syiah, karya ini mesti ditelaah secara serius. Apabila kita mengabaikan *al-Milal wa al-Nihal*, kita pasti terdedah dengan simpang-siur kesilapan besar dalam memahami kemunculan dan perkembangan aliran-aliran Syiah. Misalnya, apakah perbezaan antara Syiah Ghulat dengan Syiah Rafidhah, padahal kedua-duanya berkonotasi pelampau? Persoalan ini telah dicerakin oleh Shahrastani (ulama muktabar ASWJ), namun Mohd. Asri tidak menekuninya.

### **Hasutan Abdullah Saba Sebagai Punca Tercetusnya Fitnah (Asri, 2002: 81-83)**

Mohd. Asri memulakan kritikannya terhadap Abdullah Saba dengan menegaskan si munafik inilah yang berperanan (Asri, 2002: 81) “mencetuskan fitnah terhadap Khalifah Uthman”. Mampukah Mohd. Asri membuktikan dakwaan ini? Beliau berusaha membuktikannya, namun dengan hanya membawa satu riwayat sejarah sahaja. Bayangkanlah, tuduhan seberat ini hanya dibuktikannya dengan secebis bukti. Akal yang sihat tidaklah memungkinkan kita untuk menerima pendekatan simplistik ini. Lebih-lebih lagi dari sudut pensejarahan ilmiah: bagaimana mungkin kita dapat berpuas hati dengan satu riwayat sahaja. Malah, Mohd. Asri tidak memperjelas peranan dan kegiatan Abdullah Saba untuk mengobarkan api fitnah. Penjelasan mengenainya tidaklah perlu secara terperinci, memadailah dalam 5 halaman, penjelasan secara faktual agar pembaca budiman berasa yakin dengan penilaian moralnya (Imam as-Suyuthi, 2005 dan Ibnu Katsir, 2004).

Dalam percubaannya menunjukkan peranan Abdullah Saba menaburkan fitnah terhadap Usman, Mohd. Asri memetik turut kata-kata Abdullah Saba (Asri, 2002: 81-82), bersumberkan *Tarikh at-Tabari*. Kita turut memperhalusi inti sarinya. Terdapat dua perkara penting di sini:

- Pertama, tafsiran Abdullah Saba terhadap ayat 85, Surah al-Qasas.
- Kedua, penegasan Abdullah Saba mengenai kedudukan Ali sebagai pewaris kepemimpinan Nabi.

Bagaimanapun, Mohd Asri hanya membidas aspek pertama sahaja iaitu penyelewengan Abdullah Saba terhadap tafsiran ayat 85, Surah al-Qasas, namun Mohd. Asri tidak memberikan apa-apa komentar kritis dan konstruktif terhadap aspek kedua. Mengapa? Adakah Mohd. Asri berasa gusar dengan kritikan defensif Syiah Imamiah? Berdepanlah secara jujur lagi berani, apabila dihujat pihak lawan (Lutpi Ibrahim, 1993 dan Sulaiman Noordin, 1994). Kita akan melihat kebenaran apabila sampai ketikanya dan tepat pada masanya.

- Ketiga, Abdullah Saba dipetik sebagai berkata, “Mulakanlah dengan mencerca pemimpin-pemimpin kamu”. Jika benar ini merupakan kata-kata Abdullah Saba, persoalannya ialah mengapakah penduduk di Mesir begitu mudah dipengaruhi oleh Abdullah Saba? Apakah tidak ada seorang pun sahabat atau mukmin sejati dan mukmin berilmu

di Mesir yang berani meningkah Abdullah Saba? Sebenarnya, kita tertanya-tanya bagaimana mungkin Abdullah Saba dapat menghasut ribuan penduduk di Mesir, Basrah dan Kufah? Luar biasa. Tidak ada penjelasan kritis daripada Mohd. Asri.

Sekali lagi, apakah benar ini merupakan kata-kata Abdullah Saba? Jika benar Abdullah Saba seorang orator, agitator dan manipulator hebat – sehebat kobaran fitnahnya – tidak mungkin si munafik ini yang mengeluarkan kata-kata propagandikal sedangkal ini. Sukar dipercayai. Apabila diperhalusi, kata-kata ini jelas memerangkap Abdullah Saba sendiri. Betapa tidak, mustahil penduduk Mesir menerima mentah-mentah seruan jijik Abdullah Saba agar mereka mencerca Usman. Jika ada yang jahil, mustahil pula kesemuanya jahil membuta tuli. Malah, sekali lagi pembaca budiman ingin ketahuan – seperti dinyatakan tadi – bagaimana Abdullah Saba berjaya mengobarkan api fitnahnya terhadap Usman, di Mesir, Kufah dan Basrah. Gambaran ini lebih menyerupai drama sekolah, bukannya fakta sejarah (Mahayudin Yahya, 1986 dan Imam as-Suyuthi, 2005) melainkan setelah Mohd. Asri berjaya membuktikannya secara mangkus dan tuntas.

Sementelahan ditekuni, sebahagian daripada matan (isi kandungan) buku Mohd. Asri tidaklah selari dengan frasa terakhir tajuk bukunya, *Pertelingkahan Para Sahabat Nabi: Antara Ketulenan Fakta Dengan Pembohongan Sejarah*. Yang dirujuknya sebagai “Pembohongan Sejarah” ialah pembohongan perawi dan sejarawan Syiah, tetapi Mohd. Asri tidak mengupasnya secara kolaboratif dan kohesif. Mohd. Asri menyelar perawi dan sejarawan Syiah, mengatakan mereka memalsukan riwayat dan memperhina sahabat, namun beliau tidak pula memetik riwayat perawi Syiah dan pandangan sejarawan Syiah sebagai (i)perbandingan dengan riwayat Saif dan untuk (ii)membandingkannya dengan pandangan sejarawan mahupun muhadis muktabar ASWJ. Ini mengakibatkan aspek “Pembohongan Sejarah” gagal diserahkan dalam penulisannya. Secara keseluruhannya, pemikiran Mohd. Asri begitu terikat dan diikat dengan pandangan an-Nawawi (Asri, 2002: 148) dan al-Wahidi (Asri, 2002: 147) iaitu “mendiamkan diri daripada menyebut kesilapan para sahabat, menyemak kesalahan mereka dan mencampuri pertelingkahan yang berlaku antara mereka”. Ini merupakan kerugian besar buat ummah lantaran kita memerlukan angkatan sarjana, ulama dan Islamologis (intelektual Islam) untuk mengembalikan ummah

atas landasan kebenaran sejati, bukannya kebenaran mazhab sama ada ASWJ mahupun Syiah Imamiah (Nordi Achie, 2020). Mohd. Asri harus membebaskan dirinya daripada kepompong fanatisme kemazhaban (begitu juga dengan sejarawan Syiah Imamiah) yang membelenggu pemikiran ilmiah dan wacana keintelektualannya.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan reaksi kritis ini, di sebalik beberapa kelemahan pemikirannya, kita percaya Mohd. Asri bukan sahaja mampu menapis riwayat sejarah dalam karya-karya klasik ASWJ dan Syiah mengikut ilmu hadis, malah beliau berpotensi mengadunkan pentafsiran segar dan bernas bersabit pelbagai isu kontroversial dalam perkembangan sejarah pascakewafatan Rasulullah (SAW). Kita harus menggali semula kebenaran hakiki menerusi eksavasi wacana ilmiah sekalipun harus menggelutinya dalam timbunan sampah pendustaan dan lumpur kekeliruan – secara jujur, adil dan berani – tanpa berprejudis dan berprasangka dengan sahabat, serta bebas daripada sentimen dan kepentingan kemazhaban. Dalam konteks kritisisme pensejarahan ilmiah (dari segi kaedah, struktur dan teknikal), buku Mohd. Asri bersifat ilmiah, namun pemilihan sumber, pengolahan isi dan penghujahan (petikan dan ulasan), pemikiran sarjana ini masih dilingkari sentimen dan propaganda kemazhaban. Bagaimanapun, Mohd. Asri turut menyerangkan pelbagai kebenaran dan pengajaran penting menerusi bukunya. Buang yang keruh, ambil yang jernih.

## **NOTA**

Artikel ini dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 3), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kajang, 23-24 April 2018. Jumlah makalah ini dihadkan antara 15-20 halaman sahaja, mengikut format jurnal *Kinabalu*. Penulis mengambil masa lebih daripada 20 tahun untuk menekuni pelbagai isu kontroversial dalam sejarah awal Islam. Terdapat begitu banyak bahan penting yang perlu dihadami, setakat termampu. Mengenai edisi asalnya (rinci dan lengkap), sila dapatkan daripada penulis.

## RUJUKAN

- Nordi Achie. (2018). Analisis Tipologi Pra-PRU-14 di Sabah: Kerekter Kosmetik dan Komentar Kritis. *Kinabalu*, Edisi Khas Pilihan Raya Umum 14, 223-242. (<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/issue/view/201>)
- Nordi Achie. (2020). Pemikiran Propagandikal Syiah Imamiah: Resensi Kritis Terhadap *Syiah Sebenar-benarnya Ahlu Sunah Nabi*. *Kinabalu*, 27, 1-15. (<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk>)
- Abdullah al-Mushili. (2009). *Mengungkap Hakikat Syi'ah*. Jakarta: Darul Falah.
- Ahmad Qusyairi Ismail. (2008). *Mungkinkah Sunnah-Syiah dalam Ukhwah?* Pasuruan: Pustaka Sidogiri.
- An-Nawawi. (2001). *Dasar-Dasar Ilmu Hadis*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Collingwood, R.G. (1985). *Idea Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Katsir. (2004). *Al-Bidayah Wan-Nihayah: Masa Khulafa'ur Rasyidin*. Jakarta: Darul Haq.
- Ibnu Khaldun. (2011). *Mukaddimah*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- Ibrahim Ali Sya'wat. (2005). *Kesalahan-Kesalahan Terhadap Fakta-Fakta Sejarah Yang Perlu Diperbetulkan Semula*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Imam as-Suyuthi. (2005). *Tarikh Khulafa'*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- Imam ath-Thabari. (2011). *Shahih Tarikh ath-Thabari*. Jilid 3. Jakarta Selatan: Pustaza Azzam.
- Imam Bukhari. (1997). *Shahih Bukhari*. Kelang: Klang Book Store.
- Imam Shahrastani. (2006). *Agama dan Ideologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (2006). *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Antara.
- Lutpi Ibrahim. (1993). *Antologi Pemikiran Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Mahayudin Yahya. (1986). *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Asri Zainul Abdin. (2002). *Pertelingkahan Para Sahabat Nabi: Antara Ketulenan Fakta Dengan Pembohongan Sejarah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien.
- Mohmoud M. Ayoub. (2004). *The Crisis of Muslim History*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Muhammad Abdul Sattar at-Tunsawi. (2001). *Beberapa Kesesatan Ajaran Syiah*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Muhammad Ali ash-Shabuni. (1992). *Membela Nabi*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Sulaiman Noordin et al. (1994). *Syiah Imamiyyah Mazhab Ke-5?* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syaikh Manna' al-Qaththan. (2006). *Pengantar Studi Ilmu Hadits*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Taha Husain. (2015). *Fitnah Terbesar Dalam Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah az-Zuhaili. (1997). *Konsep Darurat Dalam Islam*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Yusof al-Qardhawi. (2003). *Fiqh al- Ikhtilaf*. Bandar Baru Bangi: Syabab Media.